

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2025)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2024, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERTITAH SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**

3. **SOALAN LISAN -**

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**  
**SOALAN 1 (A190)**

Apakah status dan perkembangan Forest City Special Financial Zone (FC-SFZ)?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 2 (A207)**

Apakah strategi kerajaan negeri untuk memastikan SFZ di Johor akan membantu memacu pertumbuhan ekonomi sektor pembuatan dan logistik tanpa menimbulkan risiko kemasukan produk tiruan atau tidak selamat ke dalam pasaran?

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**  
**SOALAN 3 (A61)**

Masalah pelupusan sampah dilihat menjadi isu utama apabila dapat dilihat pertambahan penduduk dan premis perniagaan semakin meningkat. Pengurusan pembuangan, angkut sampah, dan pengurusan pelupusan berjadual masih ditahap yang sama. Apakah langkah-langkah jangka masa hadapan yang akan dilaksanakan bagi isu ini.

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 4 (A135)**

Sisa makanan yang dibuang ditapak pelupusan menghasilkan gas metana iaitu sejenis gas rumah hijau. Kesan gas ini keatas pemanasan bumi ialah 34 kali lebih teruk berbanding karbon dioksida. Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan menanganinya.

**YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 5 (A183)**

Minta kerajaan negeri menjelaskan hasil lawatan kerja ke Korea Selatan serta anggaran pelaburan yang akan masuk ke negeri Johor dan industri dan lokasi yang akan menjadi tumpuan bagi pelaburan tersebut.

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 6 (A94)**

Mohon nyatakan bentuk bantuan segera bagi usahawan kecil seperti peniaga tepi jalan atau pasar malam yang ditimpa bencana seperti banjir dan ribut?

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**  
**SOALAN 7 (A115)**

Apakah perancangan baru kerajaan dalam membantu menyediakan kelengkapan pembelajaran yang eksklusif kepada anak-anak dibawah Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**  
**SOALAN 8 (A203)**

Apakah langkah kerajaan di dalam mempromosi makanan tradisional dan hasil kraftangan negeri Johor agar menjadi satu daya tarikan pelancongan negeri Johor?

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)**  
**SOALAN 9 (A7)**

Sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri bagi memperluaskan kawasan tanaman padi negara di Negeri Johor.

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 10 (A139)**

Bilakah kerajaan akan memulakan usaha pertambahan perluasan kawasan sawah Sungai Balang bagi menambah pengeluaran padi beras untuk stok makanan negeri dan negara demi menjamin keselamatan makanan dalam menghadapi ketidak tentuan cuaca dan geopolitik dunia mutakhir ini.

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 11 (A32)**

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk meneruskan Program Semarak Subuh di Negeri Johor pada tahun 2025, yang mana program ini mendapat sambutan baik dalam masyarakat?

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)**  
**SOALAN 12 (A121)**

Dadah merupakan ancaman besar yang mampu mengugat kebahagiaan keluarga di negeri Johor dan boleh menjejaskan perancangan kerajaan negeri untuk menjadi Negeri Maju menjelang 2030. Apakah usaha atau tindakan kerajaan negeri dalam menangani isu ini. Sekiranya ada, apakah pencapaian terkini terhadap usaha ini?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 13 (A103)**

Jelaskan peranan JTDC dan usaha yang akan dilaksanakan dalam menetapkan gaji premium bagi diploma bermula dengan RM4,000, manakala gaji premium ijazah sarjana muda bermula RM5,000 serta peluang pekerjaan yang akan diberi.

**YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 14 (A181)**

Susulan penubuhan Johor Talent Development Council, mohon kerajaan negeri menjelaskan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan tangga gaji premium ini dapat ditampung kosnya oleh syarikat-syarikat dan industri-industri yang akan terlibat dalam skim tangga gaji premium ini.

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**  
**SOALAN 15 (A114)**

Sebanyak RM28.7 juta peruntukan telah disediakan dibawah Kemudahan Asas bus Muafakat PAJ, oleh itu berapa banyakah laluan yang telah disediakan oleh Bus Muafakat dan bagaimana sambutannya serta ada atau tidak penambahan bagi laluan baru ?

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**  
**SOALAN 16 (A12)**

Apakah dasar atau garis panduan berkenaan dengan pelaburan Data Center di Johor pada masa depan ?

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**  
**SOALAN 17 (A14)**

Memohon menjelaskan isu yang berkenaan dengan dikenakan cukai taksiran di beberapa PBT pada tahun depan.

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**  
**SOALAN 18 (A197)**

Wajarkah kenaikan kadar nilai harta dan cukai taksiran tahunan yang melibatkan sebahagian pembayar-pembayar cukai 50% hingga 100%?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**

**SOALAN 19 (A104)**

Apakah justifikasi kerajaan dalam menaikkan cukai harta bagi tahun 2025 di daerah Mersing kerana rakyat rasa terbeban dengan kenaikan tersebut.

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 20 (A53)**

Berapakah peratusan atau jumlah pegangan perumahan di kawasan Bandar Maharani daerah Muar dengan penyelarasan cukai baharu yang telah meningkat melebihi 100% untuk tahun 2025?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**

**SOALAN 21 (A88)**

Sebagai menyokong usaha kerajaan Memperkasakan Pembangunan Orang Kurang Upaya adakah usaha dilakukan bagi Menambahbaik Modul Standard Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) selain mengkaji Cadangan Penukaran Skim Elaun kepada Gaji petugas dan peyelianya sebagai menghargai usaha dan pengorbanan mendidik anak istimewa.

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 22 (A55)**

Berapakah bilangan penerima perkhidmatan daripada Klinik Kesihatan Bergerak setakat ini?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 23 (A57)**

Apakah strategi Johor Talent Development Council (JTDC) untuk memastikan Johor mempunyai bekalan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mencukupi dan memenuhi keperluan industri?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**

**SOALAN 24 (A90)**

Mohon kerajaan melalui JPS meneliti cadangan untuk menaiktaraf saluran-saliran dan Jambatan di kawasan "hotspot banjir" di Bukit Nanning sebagai langkah proaktif dan usaha menambahbaik Sistem Tebatan Banjir sedia ada.

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**

**SOALAN 25 (A164)**

Johor telah menceburi bidang Data Centre AI yang menggunakan tenaga elektrik yang sangat tinggi. Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menggunakan tenaga nuklear untuk memenuhi penggunaan tenaga elektrik data centre AI seperti yang dilakukan oleh Microsoft?

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)**  
**SOALAN 26 (A117)**

Daripada pelaburan yang dapat dibawa masuk ke Johor pada tahun 2023 dan 2024, berapakah peratus peluang pekerjaan yang dibuka khusus kepada Bangsa Johor?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**  
**SOALAN 27 (A167)**

Adakah kerajaan negeri boleh mempertimbangkan penyambungan Jalan Renggam - Layang-layang (J25) ke J262 dan Lebuhraya LINKEDUA) sehingga Kota Iskandar dan menaiktaraf jalan J8 dan menghubungkan dengan Lebuhraya SDE (Jarak 13 km) agar dapat mengurangkan kesesakan dan memendekkan masa perjalanan?

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 28 (A21)**

Adakah Jawatankuasa Pusat Data Negeri Johor akan mempertimbangkan tentang cadangan untuk menetapkan pusat-pusat data sebelum kebenaran merancang diluluskan, kerja-kerja menggantikan paip-paip air lama perlu dilaksanakan dahulu?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 29 (A209)**

Bagaimana kerajaan negeri Johor akan memastikan bahawa golongan TVET menerima latihan yang mencukupi dan relevan untuk memenuhi standard gaji premium yang diperkenalkan?

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**  
**SOALAN 30 (A122)**

Ada atau tidak perancangan untuk membina lebuhraya bertingkat di atas Lebuhraya Pasir Gudang?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**  
**SOALAN 31 (A38)**

Apakah status terkini bagi pemindahan penduduk flat Taman Jaya setelah mesyuarat penubuhan MC diadakan pada bulan Ogos?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 32 (A108)**

Tahun ini dijangkakan banjir buruk berlaku di daerah persisir pantai termasuk Mersing berikutan taburan hujan tinggi selain fenomena air pasang besar. Apakah tindakan awal kerajaan yang telah dan sedang diambil dalam meminimalkan impak banjir tahun ini?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**  
**SOALAN 33 (A87)**

Johor merupakan salah satu pintu masuk pelancong asing ke negara ini. Apakah tindakan kerajaan negeri bagi memastikan kesemua pelancong yang masuk akan keluar dari negeri ini dan tidak menetap secara haram.

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 34 (A18)**

Sila nyatakan tindakan yang telah diambil terhadap etnik Rohingya yang tidak mematuhi undang-undang di negara ini sehingga mengganggu ketenteraman awam dan kesejahteraan masyarakat.

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**  
**SOALAN 35 (A152)**

Masalah lambakan pelarian Rohingya dan Myanmar sehingga mendatangkan ketidakselesaan penduduk setempat dilihat semakin kritikal. Malahan statistik jenayah melibatkan warga asing juga turut semakin meningkat. Apakah solusi dan tindakan dari pihak berwajib bagi menangani masalah berikut?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**  
**SOALAN 36 (A168)**

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memberikan peruntukan DUN mengikut jumlah dan kepadatan penduduk sesebuah kawasan?

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**  
**SOALAN 37 (A49)**

Apakah potensi pelaburan yang diraih oleh kerajaan negeri hasil daripada lawatan YAB Menteri Besar ke Korea Selatan baru-baru ini dan sejauh mana ia bakal memberi manfaat kepada Johor?

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**  
**SOALAN 38 (A13)**

Bagaimanakah Johor merancang agar menggunakan kelebihan perairan Johor agar meningkatkan kait-hubung dengan Singapura dan Indonesia?

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2025) TAHUN 2024.**

-----  
-----  
----- ( BAHASAN YB BACK-BENCHERS ) -----  
-----  
-----

**Persidangan ditangguhkan sehingga hari Khamis, 28 November 2024, jam 9:30 pagi.**